

INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

NILAI INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM

Negara sedang dilanda dekadensi moral dan etika yang parah (M. Kamal Hasan, 2004). Kehakisan nilai dalam masyarakat dicerminkan oleh kakitangan awam dengan wujudnya jenayah kolar putih, gejala sosial, rasuah, diskriminasi, penindasan dan penyalahgunaan kuasa (Mustafar Ali, 2004 dan M. Kamal Hasan, 2004). Kepincangan ini berlaku akibat manusia kini dipengaruhi oleh unsur materialistik dan mengabaikan nilai agama (M. Kamal Hasan, 2004). Justeru, Malaysia telah melancarkan pelbagai dasar, kempen dan slogan untuk mengukuhkan integriti masyarakat (Mustafar Ali, 2004). Antaranya Rukun Negara, penerapan nilai-nilai murni, piagam pelanggan, penggunaan tanda nama, penggubalan kod etika, hari bertemu pelanggan, manual prosedur kerja dan fail meja, sistem pengurusan akauntabiliti dan integriti, modul pengurusan integriti, laporan perisytiharan harta, program nilai murni, pusingan tempat kerja, Tonggak Dua Belas dan kepimpinan melalui tauladan (Mustafar Ali, 2004).

Nilai integriti negara adalah merujuk kepada nilai-nilai murni yang dikongsikan bersama oleh rakyat Malaysia. Nilai tersebut adalah nilai dan etika perkhidmatan awam Malaysia kerana kakitangan perkhidmatan awam adalah cermin dan tauladan kepada masyarakat Malaysia khususnya dalam konteks kerjaya. Nilai-nilai ini dikongsikan bersama di dalam pelbagai kempen dan dasar-dasar yang digubal

oleh kerajaan serta diwartakan melalui perantaraan media massa dan program-program khusus di seluruh negara. Nilai dan etika perkhidmatan awam terkandung dalam Tonggak Dua Belas, iaitu menghargai masa ketekunan membawa kejayaan, keseronokan bekerja, kemuliaan kesederhanaan, ketinggian peribadi, kekuatan sifat baik hati, pengaruh teladan, kewajipan menjalankan tugas, kebijaksanaan berhemat, keutamaan kesabaran, peningkatan bakat dan nikmat mencipta (Institut Tadbiran Awam Negara, 1994).

Tonggak Dua Belas berasaskan tujuh teras etika perkhidmatan awam, iaitu berazam meningkatkan mutu perkhidmatan, bekerja dengan penuh tanggungjawab, berusaha mengikis sikap mementingkan diri, bekerja dengan penuh muhibah dan kemesraan, bekerja ke arah memajukan pemikiran rakyat dan pembangunan negara, bekerjasama dalam membanteras kelemahan serta musuh negara dan berpegang teguh kepada ajaran agama (Institut Tadbiran Awam Negara, 1994). Nilai dalam Tonggak Dua Belas merangkumi Etika Teras Perkhidmatan Awam, Nilai Murni Profesional, Etika Pentadbiran Awam serta Nilai dan Etika Perkhidmatan Awam: Nilai Peribadi Asas, Nilai Mengutamakan Pelanggan, Nilai Kepimpinan, Nilai Profesionalisme, Nilai Produktiviti/Kualiti dan Nilai-nilai Keagamaan.

Kesemua nilai-nilai murni tersebut dapat diklasifikasikan kepada tiga kategori, iaitu kesucian hati (*purity*), amanah (*trustworthiness*) dan kebijaksanaan dalam berfikir dan bertindak (*wisdom*). Jadual 3.1 menunjukkan nilai dan etika perkhidmatan awam berasaskan tiga klasifikasi tersebut. Kesemua nilai-nilai ini adalah penting untuk memastikan pencapaian misi dan visi negara untuk melahirkan sumber manusia yang mempunyai kualiti bertaraf dunia.

Nilai-nilai integriti ini adalah nilai-nilai murni yang perlu diketahui, dihayati dan diadaptasikan dalam kehidupan seharian oleh staf di dalam organisasi untuk menjamin kesejahteraan dan kejayaan organisasi tersebut. Sehubungan dengan itu, nilai-nilai integriti disenaraikan dalam Jadual 3.2 dicadangkan sebagai nilai integriti yang perlu dihayati bersama. Setiap nilai integriti tersebut dikategorikan kepada lapan jenis